

**INTERNATIONAL CONFERENCE ON RESEARCH
IN ISLAMIC AND ARABIC LANGUAGE EDUCATION 2012
(ICRIALE 2012)**



**KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENGAJIAN QIRAAT
DI JABATAN AL-QURAN DAN AL-QIRAAT, KUIS:
SATU TINJAUAN AWAL**

Zainora Daud
Muhammad Fairuz A. Adi
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Mustaffa Abdullah
Universiti Malaya

Abstrak : Penulisan artikel ini adalah bertujuan untuk menjelaskan kaedah p&p pengajian Qiraat yang dilaksanakan di JTQQ kerana silibus Qiraat merupakan salah satu subjek utama dalam kurikulum pengajian tahfiz al-Quran dan al-Qiraat semenjak penubuhannya pada Mei 2002. Justeru, kertas kajian ini bertujuan untuk membuat tinjauan awal terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran dengan melibatkan 21 orang pelajar semester 6 dan 4 orang pensyarah. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah berbentuk kuantitatif bersifat deskriptif melalui kaedah tinjauan semasa dengan menggunakan pelbagai metod seperti soal selidik, temubual dan pemerhatian. Dapatan kajian menunjukkan kaedah pengajaran dan pembelajaran Qiraat yang diaplikasi di dalam kelas berada pada tahap yang tinggi iaitu memuaskan di dalam item kaedah hafazan, kaedah tasmik, kaedah talaqqi dan musyafahah, kaedah membaca wajah-wajah Qiraat beserta contoh-contohnya, membuat rajah dan peta minda, menyalin nota, menggunakan buku teks dan buku rujukan, memberi motivasi dan menarik minat pelajar, kecuali pada item penggunaan kaset dan VCD. Lantaran itu, penambahbaikan terhadap aspek penggunaan alat bantu mengajar yang lebih moden seperti penggunaan komputer, bahan multimedia, internet dan sebagainya wajar dilakukan agar dapat menarik perhatian dan minat para pelajar serta meningkatkan tahap pemahaman dan penguasaan para pelajar di dalam bidang pengajian Qiraat. Kesimpulannya, kaedah pengajaran yang efektif dan bersesuaian mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang memberi kesan positif terhadap pemahaman dan penguasaan para pelajar.

Kata kunci: Pengajian Qiraat, pengajaran dan pembelajaran Qiraat, Jab. Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, KUIS.

Abstract : The purpose of this article is to describe the method of p & p study conducted in JTQQ since Qiraat syllabus is one of the main subjects in the curriculum Tahfiz al-Quran and al-Qiraat since its inception in May 2002. Hence, this paper aims to make a preliminary observation of teaching and learning methods involving 21 students in semester 6 and 4 lecturers. The research design was quantitative descriptive survey method by using various methods such as

questionnaires, interviews and observations. The findings showed that teaching and learning methods are applied Qiraat in class at a high level of satisfaction, in terms of memorization method, the method of tasmik, musyafahah and talaqqi method, the method of recitation of Qiraat with its examples, to make diagrams and mind maps, to take notes, to use textbooks and reference books, to motivate and to encourage students' interest, except the method of using of cassette and VCDs. Therefore, improvement of teaching aids aspect more modern such as, the usage of computers, multimedia stuff, internet and etc should be carried out in order to attract attention and interest of students and to promote the understanding and mastery of the students in the field of study Qiraat. To conclude, the effectiveness of teaching methods and appropriate learning environment is giving a positive impact on students' understanding and mastery.

Keywords: Education of Qiraat, teaching and learning Qiraat, Department of Tahfiz al-Quran and al-Qiraat, KUIS.

PENGENALAN

Umumnya, dalam pendidikan Islam, pendidikan Qiraat adalah matapelajaran yang perlu dipelajari oleh para pelajar, khususnya daripada aliran tahfiz al-Quran disebabkan Qiraat ialah ilmu al-Quran.

Sebagaimana al-Shabuni berpendapat bahawa Qiraat ialah suatu mazhab daripada mazhab-mazhab bacaan al-Quran yang dipegang oleh seorang imam daripada imam-imam Qurra' sebagai suatu pegangan yang memiliki perbezaan dengan yang lainnya daripada pembacaan al-Quran dan bersambung sanadnya hinggalah kepada Rasulullah (Al-Shabuni, 1985).

Malahan Qiraat dan al-Quran mempunyai dua aspek yang berlainan sebagaimana pendapat al-Zarqani kerana al-Quran ialah wahyu Allah yang diturunkan kepada Rasulullah untuk maksud *bayan* dan *ijaz*, sementara Qiraat ialah perbezaan atau perselisihan para Qurra' dalam penyebutan lafaz wahyu tersebut dari segi huruf dan bentuk atau kedudukan huruf dari bacaan cara *takhfif* kepada *tashdid* yang diterima melalui *al-'sima' wa al-musyafahah* (Al-Zarkashi, 1972).

Setelah sepuluh tahun, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Qiraat di Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, KUIS, satu kajian yang menyeluruh perlu dilakukan bagi melihat beberapa aspek penting dalam pelaksanaannya kerana Qiraat memainkan peranan dan sumbangan yang penting dalam pengajian ilmu al-Quran dan memahaminya dari segi sejarah atau keasliannya lebih-lebih kesannya boleh dilihat dari sudut perbezaan hukum syariat Islam.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Jabatan Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat telah memulakan pengambilan kumpulan pelajarnya yang pertama pada sesi Mei 2002 setelah mendapat kebenaran secara rasmi untuk mengendalikan kursus daripada Lembaga Kelayakan Malaysia yang dikenali sebelum ini dengan Lembaga Akreditasi Negara (LAN) dan Jabatan

Pendidikan Swasta. Kewujudan Jabatan Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat ini sebenarnya telah membuka dan memberikan satu peluang kepada semua pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dari seluruh Malaysia untuk menceburi bidang menghafaz al-Quran dan mendalami ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya termasuklah ilmu Qiraat (Pamplet Jabatan 2011).

Program ini dirancang bagi membolehkan para pelajar menghafaz al-Quran dengan baik dan sempurna, di samping memahami secara mendalam tentang semua ilmu yang berkaitan dengan al-Quran dan al-Qiraat serta cabang-cabang ilmu yang berkaitan dengan kedua-duanya. Dengan pelaksanaan sistem talaqqi dan musyafahah yang diamalkan oleh para ulama terdahulu serta pembelajaran berbentuk kuliah, syarahan dan tutorial, para pelajar akan dapat menjadi seorang Hafiz al-Quran yang cemerlang.

Jabatan Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat membuka peluang kepada semua lepasan SPM atau STPM atau STAM atau Diploma dari seluruh Malaysia untuk menceburi bidang menghafaz al-Quran dan mendalami ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya termasuklah ilmu Qiraat serta lain-lain kemahiran yang diperlukan masa kini seperti ICT dan pengurusan.

Pada 20 April 2004 Jabatan Tahfiz Al-Quran dan al-Qiraat telah berjaya mendapat pengiktirafan penuh daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) No siri : 00716 dan no pendaftaran : A 0840 dan diperbaharui pada 10 Feb. 2009 dan no. pendaftaran A 7641. Jabatan sekali lagi telah mendapat kelulusan bagi menawarkan program Sarjana Muda Al-Quran dan Al-Qiraat pada 7 Januari 2010 dan no. pendaftaran KA 10082 (Pamplet Jabatan 2011).

Para pelajar semester enam di Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat KUIS didedahkan dengan bacaan Qiraat di dalam juzuk dua surah al-Baqarah. Sebelum mempelajari dan mengkaji bacaan Qiraat di juzuk kedua surah al-Baqarah, para pelajar telah melengkapkan bacaan-bacaan Qiraat pada juzuk pertama ketika di semester lima. Ini bermakna para pelajar telah pun dibekalkan dengan banyak maklumat mengenai *usul* dan *farsh huruf* semasa di semester lima yang merupakan silibus Qiraat ketika di semester lima.

Pengkaji akan menyenaraikan contoh perselisihan wajah Qiraat oleh setiap imam Qiraat dari segi *usul qiraat* dan *farsh huruf* yang menjadi silibus kepada pelajar-pelajar semester enam Jabatan Tahfiz al Quran wal Qiraat KUIs antaranya perselisihan dari segi *usul Qiraat* di dalam juzuk dua surah al-Baqarah sebagai contoh *Mad Wajib Muttasil* terdapat 55 tempat, *Mad Jaiz Munfasil* 77 tempat, *Mad al-Badl* terdapat 8 tempat, *Silah mim al Jam'* terdapat 144 tempat, *Silah Ha' Dhamir* terdapat 10 tempat, *al-Naql* terdapat 60 tempat, *al-Ibdal* terdapat 28 tempat, *Taghliz al Lam* terdapat 25 tempat, *Idgham al Kabir dan al Saghir* terdapat 25 tempat, *Tarqiq al-Ra'* terdapat 20 tempat, Huruf *ya Za'idah* dan *Idhafat* terdapat 4 tempat, *Imalah* terdapat 75 tempat, *Taqilil* terdapat 53 tempat, *Saktah* terdapat 58 tempat dan *Tashil* terdapat 5 tempat (Kurayyim Rajih, 1994).

Manakala perselisihan bacaan dari segi dari segi *Farsh al-huruf* (Khalid ibn Muhammad, 2005) antaranya Maqra' pertama dari juzuk ke dua surah al Baqarah ayat 142 hingga 158 اصراط: perselisihan qurra dalam kalimah ini adalah antara huruf sad, *sin* dan *Ishmam*.² لرءوف³: perselisihan bacaan para qurra pada kalimah ini adalah di antara membuang huruf mad iaitu *wau* atau mengekalkannya. تعملون wajah bacaan pada kalimah ini ialah samada membaca dengan huruf *ya* atau huruf *ta*. Maqra' kedua dari juzuk ke dua surah al-Baqarah ayat 158 hingga 176, ومن تطوع pada perkataan ini terdapat dua wajah bacaan iaitu menukarkan huruf *ta* kepada huruf *ya*, meletakkan *tashdid* pada huruf *tho* dan *wau* serta mematikan huruf 'ain atau membaca sepertimana yang tertera di mashaf Uthmani untuk bacaan Hafs. الريح⁴: pada kalimah ini terdapat dua jenis bacaan iaitu samada dengan bacaan *mufrad* (الريح) atau *jama* (الرياح). إذ يرون⁵: pada kalimah ini terdapat dua wajah bacaan qiraat iaitu *dhammah* atau *fathah* pada huruf *ya*. أن القوة لله جميعا وأن الله⁶: Dua wajah bacaan pada tiga huruf *hamzah* dalam ayat tersebut iaitu samada dengan *fathah* atau *kasrah* (Kurayyim Rajih,1994). Rasulullah merupakan guru pertama Qiraat. Peringkat permulaan Qiraat yang dipelajari oleh Rasulullah s.a.w melalui Jibril berdasarkan firman Allah dalam surah al-Isra', ayat 106 yang bermaksud iaitu "Dan Al-Quran itu Kami bahagi-bahagikan supaya Engkau membacanya kepada manusia Dengan lambat tenang; dan Kami menurunkannya beransur-ansur". Ini disokong dengan kisah di antara Umar ibn al-Khattab dan Hisyam ibn Hakim mengenai perbezaan bacaan al-Quran dan Rasulullah s.a.w bersabda : Begitulah ia diturunkan, sesungguhnya al-Quran diturunkan dengan tujuh *ahruf* [cara-cara bacaan], maka bacalah apa yang mudah daripadanya (al-Bukhari).Ini jelas menunjukkan bahawa Qiraat yang diajar oleh Malaikat Jibril kepada Rasulullah dengan kepelbagaian bacaan (al-Bazmul,1996).

Oleh kerana itu pengajian Qiraat mempunyai kaitan rapat dengan pengajian al-Quran, pengkaji menggariskan kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran iaitu: kaedah talqin ialah sebaik-baik kaedah dalam pengajaran al-Quran (Azmil 2010), pengulangan, latih tubi dan menimbulkan minat (Mohd Yusof, 2005; al-Na'imy, 1994).

Malahan kaedah pengajaran dan pembelajaran Qiraat juga merangkumi kaedah pengajaran dan pembelajaran konvensional pendidikan Islam meliputi kuliah dan syarahan, soal jawab, perbincangan, perdebatan, bercerita, hafalan, halaqah, perumpamaan, lawatan, qudwah hasanah dan kaedah ini masih diamalkan tetapi telah dinaiktaraf dengan kaedah yang lebih moden seperti penggunaan komputer, peta konsep, penggunaan alat bantu mengajar yang berasaskan internet, bahan

¹ Ayat 142 dan 213

² *Ishmam* bermaksud mencampurkan bunyi huruf *sad* kepada bunyi huruf *zai* sehingga kedengaran seperti huruf *zai*

³ Ayat 143 dan ayat 208

⁴ Ayat 164

⁵ Ayat 165

⁶ Ayat 165

video, bahan multimedia, kaedah simulasi, interaksi dan sebagainya. (Ab Halim Tamuri, 2011). Menggunakan induksi set seperti gambar-gambar, carta, radio dan soaljawab juga merupakan kaedah p&p dalam pengajian al-Quran (Mohd Yusof, 2005).

PERNYATAAN MASALAH

Peranan Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat dalam menyebarkan ilmu Qiraat telah bermula sejak dari awal penubuhannya, sukatan pelajarannya selain hafazan al-Quran sebanyak 30 Juzuk ialah subjek Qiraat yang merangkumi Usul Qiraat yang dipelajari pada semester dua, Qiraat Ilmi 1 yang dipelajari pada semester tiga, Qiraat Ilmi 2 yang dipelajari pada semester empat serta Qiraat Ilmi 3 yang dipelajari pada semester lima dan Qiraat Amali (praktikal) dipelajari pada semester lima dan enam. Subjek ini diajar dua kali seminggu dengan masa yang diperuntukan 2 jam dan 1 jam 30 minit bagi setiap sesi Qiraat Ilmi dan 1 jam dan 2 jam bagi setiap sesi Qiraat Amali merangkumi Qiraat Saba'ah (Qiraat 7) dari Thoriq al-Syatibiyah.

Pengajian Qiraat adalah merupakan subjek utama dalam pengajian di Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, KUIS kerana ini bertepatan dengan objektif dan hasil pembelajaran program pengajian akan melahirkan graduan yang mahir dalam pengajian al-Quran dan al-Qiraat, dapat memahami dan mengambil hukum dari sumber asal, iaitu al-Quran serta al-Sunnah serta mengaplikasikannya dalam menangani isu-isu semasa.

Satu kajian telah dilakukan berkaitan dengan tahap penguasaan ilmu Qiraat di kalangan pelajar di Jabatan Tahfiz al-Quran dan Qiraat, KUIS masih lagi di peringkat sederhana (62.2 %), begitu juga kemampuan mereka untuk mengaplikasikan/mengamalkan qiraat, kebanyakannya masih lagi di peringkat lemah (51.1 %) (Abd Rahman Abd Ghani et. al, 2010).

Terdapat juga kajian Sharun Nizam (2006) dalam tesis sarjananya yang bertajuk "Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran al-Qiraat al-Sab' di Kelas Kemahiran al-Quran di Sekolah Menengah Agama Negeri Selangor Darul Ehsan" telah membicarakan pengenalan *Qira'at Sab'ah* dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dengan mengaitkan kaedah pengajaran dan pembelajaran *al-Qira'at Al-Sab'* di Kelas Kemahiran al-Quran di Sekolah Menengah Agama Negeri Selangor Darul Ehsan serta telah membuat rumusan bahawa tiada kaedah pengajaran dan pembelajaran yang khusus menyebabkan para guru menggunakan pelbagai kaedah P&P.

Aishah Juri (2009) juga telah mengemukakan pengenalan dan perkembangan Ilmu Qira'at dan sistem pengajaran dan pembelajaran Ilmu Qira'at di Darul Quran dan KUIS. dalam tesisnya yang bertajuk "Sistem Pengajaran dan Pembelajaran Ilmu Qira'at di Darul al-Quran dan KUIS". Perbincangannya amat menarik sekali difokuskan kepada struktur, pendekatan, strategi serta teknik pembelajaran dan pengajaran, tahap pengetahuan, kefahaman dan pencapaian para pelajar dalam

bidang Qiraat. Pada akhir kajiannya juga telah memberi cadangan bahawa satu kajian lanjutan perlu dilakukan agar dapat mempertingkatkan lagi pengajian Qiraat di institusi pengajian. Ini mendorong penulis untuk meninjau kaedah pengajaran dan pembelajaran yang telah dilaksanakan di Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, KUIS sesuai dengan usianya 10 tahun sejak ditubuhkan.

OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif kajian adalah seperti berikut:

- 1) Mendedahkan latarbelakang penubuhan JTQQ, KUIS.
- 2) Meninjau kaedah-kaedah pengajian Qiraat yang diamalkan di JTQQ, KUIS.
- 3) Menentukan sejauh mana pelaksanaan kaedah p&p Qiraat di JTQQ, KUIS.

PERSOALAN KAJIAN

Antara persoalan kajian adalah seperti berikut:

- 1) Apakah kaedah pengajaran dan pembelajaran guru-guru yang dilaksanakan?
- 2) Bagaimanakah bentuk kaedah pengajaran guru-guru yang dilaksanakan?
- 3) Apakah tahap penguasaan para pelajar di dalam pengajian Qiraat?
- 4) Apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh pihak JTTQ untuk meningkatkan mutu pengajarannya?

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meninjau serta meningkatkan kaedah pengajaran dan pembelajaran pengajian Qiraat di kalangan pelajar-pelajar semester enam dan tenaga pengajar JTQQ serta mencari jalan untuk mengatasi sebarang permasalahan di dalam P&P pengajian Qiraat di Malaysia.

BATASAN KAJIAN

Kajian ini hanya tertumpu kepada JTTQ yang terlibat dengan pengajian Qiraat. Ia hanya melibatkan 21 orang responden di kalangan pelajar semester enam dan 4 orang tenaga pengajar. Fokus kajian ini hanya tertumpu kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran di dalam pengajian Qiraat.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang melibatkan kajian tinjauan menggunakan kaedah soal selidik. Seramai 21 orang pelajar dan 4 orang guru yang terlibat dalam kajian ini menggunakan kaedah persampelan rawak mudah bagi memperolehi responden. Sampel kajian yang digunakan bagi kajian ini adalah dalam kalangan pelajar-pelajar semester enam di JTQQ, KUIS yang terlibat dengan pengajian Qiraat dari segi teori dan praktikal.

Instrumen kajian di ubahsuai dari kajian Sharun Nizam (2006) dan Aishah Juri (2009) mengenai pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Qiraat di Darul Quran dan KUIS. Soal selidik ini mengandungi dua bahagian utama iaitu Bahagian A: Faktor demografi dan pengajian Qiraat iaitu seperti jantina, umur, tempat tinggal, mula mempelajari Qiraat, minat dan tahap penguasaan manakala Bahagian B: Item-item berkaitan kaedah pengajaran dan pembelajaran Qiraat

yang merangkumi dari aspek kaedah hafazan, tasmik, talaqqi dan musyafahah, membaca wajah-wajah Qiraat, menggunakan kaset atau VCD, rajah atau peta minda dalam proses P&P, pengulangan atau latih tubi, menyalin nota, menggunakan kelas atau makmal al-Quran, menggunakan buku teks atau rujukan, sering mengadakan ujian, memberi motivasi dan mengajar dengan cara yang menarik perhatian pelajar. Responden diperlukan memberi jawapan kepada pernyataan-pernyataan yang disediakan di bahagian B mengikut amalan pembelajaran dan pengajaran yang dilaksanakan di dalam kelas, berpandangan skala 1 hingga 5. Skor jawapan yang diperolehi diinterpretasikan seperti berikut:

- 1) Sangat Tidak Memuaskan
- 2) Tidak Memuaskan
- 3) Kurang Memuaskan
- 4) Memuaskan
- 5) Sangat Memuaskan

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Demografi Guru

Jantina			Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
	Valid	1.00	4	100.0	100.0	100.0
Umur			Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
	Valid	2.00	3	75.0	75.0	75.0
		3.00	1	25.0	25.0	100.0
		Total	4	100.0	100.0	
Kelulusan Akademik Tertinggi			Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
	Valid	1.00	1	25.0	25.0	25.0
		2.00	3	75.0	75.0	100.0
		Total	4	100.0	100.0	
Pengkhususan			Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
	Valid	1.00	4	100.0	100.0	100.0
Pengalaman Mengajar			Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
	Valid	1.00	2	50.0	50.0	50.0
		2.00	2	50.0	50.0	100.0

		o				
		Tota l	4	100.0	100.0	
Menguasai Qiraat Sab'ah&'Asyar ah			Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
	Vali d	1.00	1	25.0	25.0	25.0
		2.0 0	3	75.0	75.0	100.0
		Tota l	4	100.0	100.0	

Jadual di atas menunjukkan demografi para pensyarah dan tahap pengalaman serta tahap penguasaan di dalam pengajian Qiraat. Secara keseluruhannya kesemua tenaga pengajar terdiri di kalangan lelaki yang berumur antara 31-40 tahun dan majoritinya memiliki Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat serta Sarjana Muda al-Quran dan al-Qiraat yang mempunyai pengkhususan bidang pengajian al-Quran dan al-Qiraat. Hanya seorang sahaja pensyarah yang memiliki kelulusan tertinggi iaitu peringkat Sarjana dan mempunyai sijil ikhtisas diploma pendidikan. Ini menunjukkan majoriti di kalangan para pensyarah masih baru dalam bidang pengajaran, ini dibuktikan dengan tahap pengalaman mereka dalam bidang pengajian Qiraat iaitu dua orang antar 0-5 tahun, dua orang antara 6-10 tahun. Item berkaitan dengan penguasaan dalam bacaan Qiraat Sab'ah dan 'Asyarah menunjukkan tiga orang pensyarah berada di tahap sederhana dan seorang lagi di tahap mahir. Ini jelas menunjukkan bahawa majoriti dari mereka kurang merasa yakin dengan tahap penguasaan ilmu Qiraat dan hasil pemerhatian pengkaji di dalam situasi ini menunjukkan sikap tawadhu' mereka sebagai hamlatul Quran jelas kelihatan. Hasil temubual di antara mereka membuktikan bahawa mereka semua sedang menyambung pengajian di peringkat Sarjana dalam bidang pengkhususan al-Quran dan al-Qiraat di IPT, ini menunjukkan kesungguhan mereka di dalam meningkatkan tahap penguasaan dan kemahiran mereka dalam bidang pengajian Qiraat.

Kaedah Pengajaran Guru

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
Kaedah hafazan	4	4.00	5.00	4.5000	.57735
Kaedah tasmik	4	4.00	5.00	4.7500	.50000
Kaedah Talaqqi & Musyafahah	4	4.00	5.00	4.5000	.57735
Membaca Wajah Qiraat&contoh	4	4.00	5.00	4.2500	.50000
Guna kaset & Vcd	4	1.00	3.00	2.0000	.81650
Guna rajah & Peta minda	4	3.00	5.00	4.0000	.81650
Menyalin Nota	4	4.00	5.00	4.2500	.50000
	4	3.00	5.00	4.0000	.81650

Guna kelas & makmal al-Quran	4	2.00	5.00	3.5000	1.29099
Guna buku teks & rujukan	4	4.00	5.00	4.7500	.50000
Sering mengadakan ujian	4	4.00	4.00	4.0000	.00000
Memberi motivasi	4	4.00	5.00	4.2500	.50000
Menarik minat pelajar	4	4.00	4.00	4.0000	.00000
Valid N (listwise)	4				

Untuk melihat kekerapan kaedah pengajaran dan pembelajaran, nilai min bagi setiap item disusun daripada min yang tertinggi kepada yang terendah. Pengkategorian dilakukan berdasarkan skala berikut.

Julat Min	Kriteria
1.0 hingga 2.33	Rendah
2.34 hingga 3.66	Sederhana
3.67 hingga 5.00	Tinggi

(Sumber: Ubahsuai Ab. Halim, 2005)

Secara keseluruhannya, berdasarkan jadual di atas menunjukkan kekerapan penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran di dalam pengajian Qiraat di JTQQ berada pada tahap yang tinggi iaitu antara 4.75 hingga 4.00 pada item kaedah hafazan, kaedah *tasmik*, kaedah *talaqqi* dan *musyafahah*, kaedah membaca wajah-wajah Qiraat beserta contoh-contohnya, membuat rajah dan peta minda, menyalin nota, menggunakan buku teks dan buku rujukan, memberi motivasi dan menarik minat pelajar. Manakala pada item penggunaan kelas atau makmal al-Quran dalam sesi pengajaran Qiraat berada pada tahap sederhana. Berdasarkan pemerhatian yang dibuat oleh pengkaji proses pengajaran hanya berlaku di dalam kelas kerana ketiadaan makmal al-Quran. Ini dibuktikan lagi dengan penggunaan kaset dan VCD berada pada tahap yang rendah.

Kesimpulannya kaedah pengajaran Qiraat yang diaplikasi di dalam kelas berada pada tahap yang tinggi iaitu memuaskan di dalam semua bentuk kecuali penggunaan makmal al-Quran berada pada tahap kurang memuaskan dan penggunaan kaset dan VCD berada pada tahap yang tidak memuaskan. Ini menunjukkan para pensyarah amat terkesan dengan budaya pengajian mereka ketika di Timur Tengah yang banyak tertumpu dengan kaedah tradisional sebagaimana yang diamalkan di dalam proses penurunan al-Quran kepada Rasulullah melalui malaikat Jibril.

Demografi Pelajar

Jantina		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	1.00	14	66.7	66.7	66.7
	2.00	7	33.3	33.3	100.0
	Total	21	100.0	100.0	

Umur			Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
	Valid	1.00	2	9.5	9.5	9.5
		2.00	17	81.0	81.0	90.5
		3.00	2	9.5	9.5	100.0
		Total	21	100.0	100.0	
Tempat Tinggal			Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
	Valid	1.00	20	95.2	95.2	95.2
		2.00	1	4.8	4.8	100.0
		Total	21	100.0	100.0	
Mula Belajar Qiraat			Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
	Valid	1.00	18	85.7	85.7	85.7
		2.00	3	14.3	14.3	100.0
		Total	21	100.0	100.0	
Minat Pengajian Qiraat			Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
	Valid	1.00	2	9.5	9.5	9.5
		2.00	3	14.3	14.3	23.8
		4.00	7	33.3	33.3	57.1
		5.00	9	42.9	42.9	100.0
		Total	21	100.0	100.0	
Menguasai Bacaan Qiraat			Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
	Valid	1.00	1	4.8	4.8	4.8
		2.00	16	76.2	76.2	81.0
		3.00	4	19.0	19.0	100.0
		Total	21	100.0	100.0	

Jadual di atas menunjukkan demografi para pelajar, masa mula belajar, tahap minat serta tahap penguasaan di dalam pengajian Qiraat. Secara keseluruhannya majoriti pelajar terdiri di kalangan lelaki (66.7%) berbanding dengan pelajar perempuan, seramai 81% yang berumur antara 21-23 tahun dan majoritinya tinggal di asrama (95.2%), berbanding yang tinggal di luar asrama. Ini dibuktikan dengan statistik keseluruhan para pelajar yang terdapat di JTQQ menunjukkan 75% dikalangan mereka adalah pelajar lelaki dan majoriti dari mereka adalah lepasan SPM dari aliran agama, bahkan mereka juga tiada pendedahan khusus berkaitan dengan pengajian Qiraat secara mendalam jelas, ini dibuktikan dengan hasil dapatan menunjukkan sebanyak 85.7% mula mempelajari ilmu Qiraat di Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, KUIS. Item berkaitan dengan minat pengajian Qiraat sebagaimana al-Qabisi menjelaskan cinta dengan al-Quran merupakan salah satu kaedah pembelajaran al-Quran (al-Naimy,1994)

menunjukkan 42.9% amat meminati, 33.3% minat berbanding dengan sangat tidak minat (14.3%) dan tidak pasti (9.5%). Item tahap penguasaan dalam bidang pengajian Qiraat menunjukkan majoriti para pelajar berada di tahap sederhana iaitu 76.2% berbanding 19% lemah dan 4.8% adalah mahir. Ini disokong dengan hasil temubual di antara beberapa responden menunjukkan alasan para pelajar tidak meminati subjek Qiraat dan sederhana menguasai ilmu Qiraat kerana bebanan subjek-subjek lain dan sikap pelajar sendiri yang tiada motivasi dan tidak komited dengan tugas-tugas p&p.

Kaedah Pembelajaran Pelajar

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
kaedah hafazan	21	2.00	5.00	4.0000	1.09545
kaedah tasmik	21	2.00	5.00	4.0000	1.04881
talaqqi dan musyafahah	21	2.00	5.00	4.0952	.88909
baca wajah-wajah qiraat dan cth	21	2.00	5.00	4.8095	.67964
Guna kaset/VCD	21	1.00	5.00	2.5714	1.63007
Guna rajah@peta minda	21	2.00	5.00	4.0952	.83095
Ulangan /latih tubi	21	2.00	5.00	4.0476	.92066
Salin Nota	21	2.00	5.00	3.8571	1.01419
Kelas/Makmal al-Quran	21	1.00	5.00	3.8095	1.12335
Buku teks/buku Rujukan	21	2.00	5.00	4.5238	.74960
Ujian dalam p&p	21	1.00	5.00	3.9524	1.24403
Valid N (listwise)	21				

Jadual di atas menunjukkan kekerapan penggunaan kaedah pembelajaran Qiraat di kalangan pelajar semester enam, JTQQ. Secara keseluruhannya, berdasarkan jadual di atas menunjukkan kekerapan penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran di dalam pengajian Qiraat di JTQQ berada pada tahap yang tinggi iaitu antara 4.80 hingga 3.85 pada item kaedah hafazan, kaedah *tasmik*, kaedah *talaqqi* dan *musyafahah*, kaedah membaca wajah-wajah Qiraat beserta contoh-contohnya, membuat rajah dan peta minda, menyalin nota, menggunakan buku teks dan buku rujukan, memberi motivasi dan menarik minat pelajar. Manakala pada item penggunaan kaset dan VCD berada pada tahap yang rendah.

Kesimpulannya kaedah pembelajaran Qiraat yang diaplikasi di dalam kelas berada pada tahap yang tinggi iaitu memuaskan di dalam semua bentuk kecuali penggunaan kaset dan VCD berada pada tahap yang tidak memuaskan.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Berdasarkan dapatan dari soal selidik yang diedarkan di kalangan pensyarah dan para pelajar, maka sebagai rumusan dari kajian tinjauan terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran para pelajar semester enam, Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, KUIS berada di tahap memuaskan kecuali pada penggunaan

alat bantu mengajar dari segi kaset dan VCD. Hasil dapatan juga menunjukkan penguasaan mereka terhadap pengajian Qiraat berada di tahap sederhana, ini dibuktikan bahawa mereka masih lagi keliru dan kurang mahir dengan maklumat-maklumat yang berkaitan wajah-wajah Qiraat dari segi *Usul Qiraat* dan *Farsy Huruf* berkaitan *Qiraat Sab'ah*. Ini mungkin disebabkan mereka kurang mengulangkaji dan kurang komited dengan pembelajaran dan pengajaran yang bersistematik dan terancang lebih-lebih lagi mereka hanya terikat dengan mencari ilmu semata-mata untuk mendapat segulung diploma.

Oleh yang demikian, pengkaji mencadangkan agar pihak Kolej dan jabatan juga mempelbagaikan aktiviti-aktiviti p&p yang berkaitan diskusi, bengkel ilmiah serta seminar yang berkaitan ilmu Qiraat agar dapat meningkatkan minat yang mendalam dan kefahaman serta penguasaan para pelajar dalam bidang Qiraat. Malahan memperbanyakkan lagi bahan-bahan alat bantu mengajar supaya memudahkan penggunaannya di kalangan para pensyarah agar tahap penguasaan pelajar akan lebih mendalam. Pengkaji juga mencadangkan agar pihak kolej juga akan membina satu makmal al-Quran yang khusus untuk mendapatkan pelbagai informasi berkaitan bacaan-bacaan Qiraat di seluruh dunia supaya dapat meningkatkan lagi minat dan ilmu pengetahuan mereka.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri et. al. (2010). *Kaedah Pengajaran Pendidikan Islam: Konvensional dan Inovasi*. Dlm. Ab Halim Tamuri & Nik Rahimi Nik Yusoff (pnyt.). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*, hlm. 38-70.
- Abd Rahman Abd Ghani et. al. (2010). *Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan & Penyelidikan KUIS*. Bangi.
- Aishah Juri (2009). *Sistem Pengajaran dan Pembelajaran Ilmu Qira'at di Darul al-Quran dan KUIS*.
- Al-Bazmul, Muhammad Umar Salim. (1996). *al-Qiraat wa Atharuha fi al-Tafsir wa al-Ahkam*. Riyadh: Dar al-Hijrah.
- Al-Na'miy, Abdullah al-Amin. (1994), *Kaedah dan teknik Pengajaran Menurut Ibnu Khaldun dan al-Qabisi*. Terj. Mohd Barzi Omar. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka.
- Al-Shabuni, Muhammad 'Ali. (1985). *al-Tibyan fi "Ulum al-Quran*, Makkah : Maktabah al-Shabuni fi Ulum al-Quran.
- Al-Zarkashi, al-Badr al-Din Muhammad Abdullah (1972). *al-Burhan fi "Ulum al-Quran*. Mesir : Matba'ahh 'Isa al-Babi'wa Shurakahu.
- Azmil Hashim. (2010). *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Al-Quran di Darul Quran JAKIM dan Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khalid Muhammad al-Hafiz al-'Ilmiy. (2005). *al-Minah al-Ilahiyyah fi Jam' al-Qiraat al-Sab' min Thariq al-Syatibiyyah*. al-Madinah al-Munawwarah : Maktabah Dar al-Nu'man.
- Kurayyim Rajih, al-Syaikh. (1994). *Mushaf al Qiraat al 'Asyar al Mutawatirah*. Madinah al-Munawwarah: Dar al Muhajir.

- Mohd Yusof Ahmad. (2005). *Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Quran*. Kuala Lumpur : Penerbit UM.
- Pamphlet Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, KUIS 2011.
- Sharun Nizam Muhammad Sukarman. (2006). *Keberkesanan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Qira'at Al-Sab' Di Kelas Kemahiran Al-Quran Di Sekolah Menengah Agama Negeri Selangor Darul Ehsan*, UKM.

